

11 FEB 1998

LTdL-penyertaan

150 PELUMBA DARI 25 PASUKAN AKAN SERTAI LTDL 1998

LANGKAWI, 11 Feb (Bernama) -- Seramai 150 pelumba dari 25 pasukan mengesahkan untuk mengambil bahagian dalam acara lumba basikal Le Tour de Langkawi (LTdL) mulai 18 Feb hingga 3 Mac ini.

Ketua Pegawai Operasi LTdL, Wan Ahmad Lotfi Datuk Paduka Wan Ibrahim hari ini berkata setiap pasukan akan diwakili enam pelumba.

Beliau yakin perlumbaan kali ini dijangka lebih hebat dan sengit dengan penyertaan kelab dan pasukan bertaraf dunia.

Pihaknya sedang rancak mengadakan persiapan untuk menjadikan perlumbaan itu terunggul dan hebat, katanya di Lapangan Terbang Antarabangsa Langkawi di sini.

Sementara itu, kelab profesional Mapei Bricobi dari Itali adalah di antara empat pasukan pertama yang tiba di sini untuk menyertai LTdL, pasukan lain ialah Scigno Gaerne dari Itali, Tuul Tunturi, Finland dan Saturn dari Amerika Syarikat.

Andrea Tafi antara pelumba ternama yang dijangka menjadi perhatian dalam perlumbaan LTdL itu.

Pasukan itu tiba awal di sini untuk memulakan sesi latihan melalui beberapa batang jalan raya mulai petang ini di sini, sebagai persiapan menghadapi LTdL.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dijadual melancarkan LTdL 1998 pada 17 Feb ini, perlumbaan itu mengandungi 12 peringkat bermula dari Langkawi dan berakhir di Dataran Merdeka Kuala Lumpur. -- BERNAMA

ZI NH RI